

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (RANGKUMAN)

TARIKH: 8 OGOS 2017

MUKA SURAT: 36



DR Mah

## Bebas wabak rabies

**Ipoh:** Kawasan Kuala Sepetang, Taiping, dekat sini, yang juga lokasi tumpuan pelancong yang sebelum ini diwartakan sebagai kawasan wabak rabies atau anjing gila bermula 17 Julai lalu, kini selamat dikunjungi.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam, Integrasi Nasional dan Kampung Baharu negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon berkata, kawasan itu diturunkan kepada satu peringkat iaitu daripada Indeks Penyakit Wabak kepada Indeks Penyakit Kawalan.

Menurutnya, ia susulan keputusan 43 sampel diambil di kawasan itu didapati negatif wabak berkenaan.

“Sejak diwartakan sebagai kawasan rabies sebagai langkah diambil dari segi pemantauan, persampelan, pendidikan kepada orang awam dan pelajar,” katanya.